

HUBUNGI SKUAD SENTRAL: MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796, SARINAH MAT KASIM - 019-6202383

Tak janji projek mega, mahu tangani masalah semasa

JOHORBAHRU - Kerajaan Johor tidak menjanjikan projek mega untuk rakyat sepertimana kerajaan terdahulu, sebaliknya komited untuk menangani masalah semasa seperti lebihan pembekalan rumah yang melanda negeri ini.

Exco Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif, Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, kerajaan negeri berusaha menangani masalah ini dengan bijak dan cermat.

"Masalah seperti ini akan memberi kesan langsung terhadap ekonomi tempatan.

"Untuk memulihkan keadaan ini, ia bukan sahaja memerlukan masa tetapi suatu perancangan yang teliti dan tuntas," katanya.

Beliau berkata, antara isu utama yang sedang berlaku di Johor ketika ini khususnya di Wilayah Pembangunan Iskandar ialah tawaran premis atau perumahan yang berlebihan berbanding permintaan.

Justeru itu, katanya, fokus Belanjawan Johor 2019 adalah untuk memperkukuh daya saing kumpulan penggerak ekonomi tempatan.

"Kami yakin dengan cara

ini, kuasa beli rakyat, akan meningkat apabila keupayaan mereka diperkasa.

"Ini cara kerajaan baharu mengurus dan menggalang pelan pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Sheikh Umar berkata, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, faktor-faktor di dalam kawalan harus diurus dengan penuh cermat.

"Jangan kerana ghairah untuk melihat perubahan, maka segala data ramalan pertumbuhan ekonomi diusik agar kelihatan boleh dicapai," katanya.

Dalam pada itu, beliau sempat mengulas kenyataan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menggambarkan belanjawan kerajaan negeri baru-baru ini kelihatan seperti Kerajaan PH tidak tahu mengurus ekonomi.

Katanya, walaupun Kerajaan PH baru setahun jagung, mereka komited menggalang reformasi sistem dalam suasana ekonomi yang lembap.

"Kami tetap komited dan yakin bahawa belanjawan 2019 adalah jelas fokus kepada pembangunan yang bersasar," katanya. - Bernama

Lebih setengah jam tanggung sakit

Kepala budak perempuan tiga tahun tersangkut di jeriji pintu

MELAKA TENGAH

"Kami terpaksa buka helmet untuk memujuk mangsa," kata Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Katil, Penguasa Kanan Bomba II, Abdul Rahim Ismail selepas operasi menyelamatkan kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang tersangkut di jeriji pintu rumahnya di Bukit Godek, Semabok, Melaka, di sini, semalam.

Dalam kejadian berkenaan, bomba terpaksa menggunakan pendekatan berbual dengan kanak-kanak itu bagi menenangkan keadaannya yang menangis kerana ketakutan dan kesakitan sele-



Anggota bomba menyelamatkan seorang kanak-kanak perempuan yang tersangkut kepalanya di jeriji pintu rumah.

pas tersangkut di jeriji berkenaan lebih setengah jam.

"Operasi memotong jeriji besi itu akhirnya berjaya dilakukan dengan selamat bagi mengeluarkan kepala mangsa.

"Saya difahamkan kanak-kanak tersebut memanjat pin-

tu jeriji itu tanpa disedari ibunya yang berada di dapur," katanya kepada Sinar Harian.

Tambahnya, beliau bersama lima anggota yang bergegas ke lokasi kejadian ambil masa kira-kira lima minit untuk mengeluarkan kepala mangsa.

info

Bomba ambil masa lima minit untuk mengeluarkan kepala mangsa

Bagaimanapun, katanya, mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata, seorang kanak-kanak lelaki berusia 7 tahun berjaya diselamatkan daripada lemas di sebuah taman tema air di Bukit Katil.

"Mangsa yang diselamatkan orang awam telah diberikan bantuan pernafasan (CPR) sebelum bomba tiba.

"Mangsa dihantar ke sebuah hospital swasta berdekatan untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya.

Menurutnya, mangsa dipercayai datang ke lokasi berkenaan bersama keluarganya untuk mandi-mandi.

Avillion Port Dickson menang tiga anugerah antarabangsa



Kakitangan Avillion Port Dickson.

SEREMBAN - Avillion Port Dickson menang di 'World Luxury Hotel Awards 2018' dalam kategori Pusat Peranginan Tepi Pantai Mewah untuk Keluarga dan dua lagi anugerah berprestij antarabangsa.

Hotel mewah bertaraf lima bintang itu turut dinobatkan sebagai Spa Pusat Peranginan Terbaik di Malaysia oleh 'Haute Grandeur Global Excellence Awards' dan Spa HAPA Pusat Peranginan Rekreasi dan Keluarga Tahun Ini oleh 'HAPA Malaysia Award Series 2018-2020.'

Pengurus Besar Avillion Port Dickson,

Kenny Chi berkata, hotel tersebut bangga diumumkan sebagai pemenang walaupun berdepan saingan sengit.

"Kejayaan tak akan tercapai tanpa kerja keras kakitangan kami.

"Anugerah diharap akan memotivasikan kami untuk berusaha lebih keras pada 2019," katanya.

Pusat peranginan tersebut mempunyai 258 bilik dalam lima kategori iaitu Bilik Pantai, Chalet Taman, Chalet Air, Chalet Air Premium dan Vila Air. - Bernama

Ingin memajukan bisnes?
Bina kekuatan jenama anda menerusi rangkaian akhbar, digital, media sosial & sosial TV menerusi Sinar Harian & Nu Ideaktiv

Sinar @ SELATAN

MELAKA & NEGERI SEMBILAN

Untuk pembinaan jenama dan tempahan iklan, hubungi kami serta merta

HAFIZAN: 0197515011

